



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

# **GARIS PANDUAN KNOWLEDGE TRANSFER GRANT SCHEME JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (KTGS JINM)**

(TAHUN 2023 - Pindaan kali ke-6)

No Semakan : 06  
Tarikh kemaskini : 04 Ogos 2023

## ISI KANDUNGAN

<b>NO.</b>	<b>TAJUK/PERKARA</b>	<b>M/S</b>
<b>1</b>	<b>LATAR BELAKANG DAN TUJUAN</b>	<b>3</b>
<b>2</b>	<b>BIDANG TUMPUAN</b>	<b>3</b>
<b>3</b>	<b>JENIS PROGRAM KOMUNITI</b>	<b>4</b>
<b>4</b>	<b>KRITERIA PERMOHONAN</b>	<b>4</b>
<b>5</b>	<b>TATACARA PROSES PERMOHONAN</b>	<b>5</b>
<b>6</b>	<b>PERATURAN KEWANGAN PERMOHONAN</b>	<b>6</b>
<b>7</b>	<b>PEMANTAUAN DAN PELAPORAN</b>	<b>7</b>
<b>8</b>	<b>PENILAIAN PERMOHONAN</b>	<b>7</b>
<b>9</b>	<b>PROSES PENILAIAN</b>	<b>8</b>
<b>10</b>	<b>PENERBITAN DAN PUBLISITI</b>	<b>8</b>
<b>11</b>	<b>TADBIR URUS PROJEK KTGS</b>	<b>8</b>
<b>12</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>8</b>

# **GARIS PANDUAN *KNOWLEDGE TRANSFER GRANT SCHEME* JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (KTGS JINM)**

## **1. LATAR BELAKANG**

Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) merupakan entiti yang bertanggungjawab untuk Menerajui Matlamat 3, iaitu Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM). Bagi merealisasikan matlamat yang telah digariskan memerlukan pendekatan menjajarkan pelaksanaan program JINM yang dapat memberikan impak kepada masyarakat (komuniti dan industri) khususnya, dan universiti amnya. Pendekatan menyeluruh (transdisiplinari) menjadi asas utama program JINM melalui program pemindahan ilmu (mendidik dan menyebarkan ilmu), pembangunan produk, khidmat nasihat kepakaran serta pengupayaan pendanaan geran dan endowmen. Untuk memantapkan inspirasi Menjuarai Misi Universiti untuk Masyarakat, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UPM berperanan sebagai penghubung kepakaran antara Universiti dengan komuniti, memantapkan dan menggerakkan sumber fizikal serta memasyarakatkan kepakaran kecendekiaan yang dimiliki warga kampus UPM untuk menjadi sebuah pusat rujukan dan tumpuan komuniti untuk pembangunan pertanian, pendidikan, dan pembangunan sahiah komuniti. Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) juga telah diamanahkan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pemindahan ilmu dan pengembangan.

UPM akan terus memperhebat agenda pengembangan dan pembangunan modal insan ke arah pembangunan lestari, dan pembangunan masyarakat, memperkasakan kerjasama rapat dengan industri dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) untuk memastikan bahawa aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan selaras dengan dasar pengajian tinggi negara, dan mendorong pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat di Malaysia.

Justeru, KTGS JINM merupakan inisiatif Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) yang mewujudkan peluang kepada semua pakar di UPM untuk menjalankan projek-projek komuniti menggunakan dana daripada Universiti Penyelidikan (RU) dalam bentuk geran komuniti. Geran KTGS JINM ini disasarkan untuk menyumbang kepada Matlamat Universiti ke-3 UPM iaitu Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat dan KPI geran pengembangan universiti serta data pelaporan Malaysia Research Assessment (MyRA). Tujuan skim geran ini juga adalah untuk membentuk para pegawai akademik dalam menyampaikan dan memindahkan ilmu hasil dari penyelidikan mereka kepada komuniti sasaran.

## **2. BIDANG TUMPUAN KTGS JINM**

Pembiayaan geran KTGS JINM adalah berasaskan bidang tumpuan utama universiti/Kluster yang telah dikenal pasti di bawah JINM UPM seperti berikut:

- a. Komuniti Setempat
- b. Komuniti Pertanian
- c. Belia
- d. Warga emas
- e. Pesakit kanser
- f. Orang Asli
- g. Pendidikan kanak-kanak

### 3. JENIS PROGRAM KOMUNITI

Jenis program yang ingin dijalankan mestilah berdasarkan program-program berikut:

- a. Bandar Hijau Serdang
- b. Jaringan Antarabangsa
- c. Kesejahteraan Komuniti
- d. Pembangunan Modal Insan
- e. Penghayatan Alam dan Budaya
- f. Program Inkubasi
- g. Program Inovasi dan Reka cipta
- h. Program Kanser
- i. Program Pembangunan Halal
- j. Program Pembangunan Orang Asli
- k. Program Pembangunan Usahawan
- l. Khidmat Pengembangan dan Komuniti
- m. Program Warga Emas
- n. Sekolah Angkat

### 4. KRITERIA PERMOHONAN KTGS JINM

Geran ini terbuka kepada pegawai akademik UPM dengan syarat-syarat berikut:

1. Pemohon merupakan pegawai akademik tetap atau kontrak (Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah Kanan, Pensyarah. Sekiranya pegawai kontrak mestilah dalam tempoh sah kontrak sehingga projek tamat. Kakitangan kontrak perlu kemukakan *contractual document* sebagai bukti status perkhidmatannya. Penglibatan pegawai tetap diwajibkan untuk terlibat di dalam projek tersebut.
2. Pegawai akademik yang sedang/akan bercuti belajar/sabatikal tidak layak untuk memohon geran ini; walau bagaimanapun beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan projek.
3. Setiap projek dicadangkan perlu mempunyai bukti kerjasama dengan rakan strategik yang perlu menyatakan permasalahan dihadapi oleh komuniti.
4. Pemohon hanya dibenarkan menjadi ketua bagi satu projek sahaja dalam satu-satu masa. Bagi pemohon yang telah mempunyai geran KTGS atau KTP, kemajuan projek dan kewangan projek sedia ada mestilah telah melebihi 95% (kumulatif) daripada jumlah yang ditawarkan.
5. Projek mestilah menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti dan memberi impak sosio-ekonomi kepada rakan strategik.
6. Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu produk, penemuan daripada hasil penyelidikan atau modul lengkap sedia ada yang akan digunakan bagi tujuan pemindahan ilmu berkaitan dengan permohonan.

7. Projek mestilah berdasarkan bidang kepakaran oleh ketua projek dan ahli akademik bersama. Ilmu yang dipindahkan juga perlu dilaksanakan oleh ketua dan ahli projek sendiri tanpa mengupah kepakaran pihak luar.

## **5. TATACARA PROSES PERMOHONAN GERAN**

1. Permohonan dibuka tertakluk kepada kedudukan kewangan dan peruntukan yang sedia ada. Pihak sekretariat akan memaklumkan tarikh-tarikh pembukaan geran melalui hebahan rasmi atau tidak rasmi (media sosial) seperti e-hebahan (Info@upm), surat rasmi kepada PTJ dan laman sesawang UCTC.
2. Tempoh projek adalah selama 1 tahun (12 bulan). Sekiranya perlu lanjutan projek, Ketua Projek wajib memohon secara rasmi kepada pihak sekretariat geran KTGS JINM satu (1) bulan sebelum tamat projek dengan menyatakan justifikasi yang kukuh.
3. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan mengikut format yang disediakan oleh sekretariat. Pemohon dikehendaki muat turun borang permohonan KTGS JINM dari laman web UCTC.
4. Jumlah peruntukan yang dipohon adalah di antara RM8,000.00 - RM 10,000.00. (\*Tertakluk kepada kelulusan semasa)
5. Borang permohonan yang lengkap dan diperakukan oleh Ketua di PTJ masing-masing perlu dihantar kepada pihak UCTC geran ke alamat dan e-mel seperti berikut:

Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)  
Urusetia Geran Knowledge Transfer Grant Scheme  
Jaringan Industri dan Masyarakat (KTGS JINM)  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Tel: 03-9769 1847 / 1805  
E-mel: [uctc.ktgsjinm@upm.edu.my](mailto:uctc.ktgsjinm@upm.edu.my)

- Satu (1) salinan keras dan satu (1) salinan lembut permohonan wajib bagi setiap permohonan perlu dihantar ke UCTC melalui pengesahan oleh Dekan / Pengarah / Ketua PTJ masing-masing.
- Pemohon (Ketua Projek) hendaklah mengemukakan C.V mengikut format UPM. Maklumat mengenai hasil penerbitan hendaklah dalam tempoh 5 tahun terkini sahaja.

## **6. PERATURAN KEWANGAN PERMOHONAN SKIM GERAN**

### **6.1 Vot 11000: Upah dan elaun**

- Bayaran upah dan elaun (kepada enumerator sahaja) dibenarkan tidak melebihi 15% dari keseluruhan geran yang ditawarkan.
- Bayaran one-off upahan kepada enumerator memberikan perkhidmatan khas dengan tempoh maksimum adalah dibenarkan tertakluk kepada prosedur Bendahari UPM. Lantikan enumerator adalah mengikut amalan sedia ada yang dilaksanakan di PTJ yang mana lantikan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua PTJ.

### **6.2 Vot 21000: Perjalanan dan pengangkutan**

- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan serta sara hidup (elaun makan & minum – sekiranya tidak disediakan / diluar aktiviti rasmi yang dijalankan).
- Siling perbelanjaan 20% dari keseluruhan geran termasuk perbelanjaan bagi menghadiri konferensi/seminar/bengkel/lawatan ke lapangan.

### **6.5 Vot 24000: Sewaan**

- Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan program sahaja. Sewaan pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat berlesen sahaja.

*\*sewaan kenderaan pengangkutan tidak digalakkan sekiranya terdapat kemudahan kenderaan PTJ UPM yang disediakan.*

### **6.7 Vot 26000: Bekalan dan bahan program**

- Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan program sahaja dibenarkan.
- Merekod pembelian bekalan dan bahan program yang berharga kurang dari RM500.00 setiap satu, dan memastikan bekalan berkenaan tidak didaftarkan/dikategorikan sebagai aset/inventori. Ianya meliputi perkara-perkara seperti bahan-bahan kimia, bahan-bahan pakai habis, alat kaca untuk program dan lain-lain bahan berkaitan dengan program. Catatan: Pembelian peralatan kategori inventori perlu disertakan bersama justifikasi pembelian dan tertakluk kepada prosedur Bursar UPM yang berkuatkuasa. *(perlu dimasukkan dalam kertas kerja borang permohonan)*

### **6.10 Vot 29000: Perkhidmatan Ikhtisas**

- Merujuk kepada perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli dan hospitaliti seperti fotokopi, percetakan, insurans, analisis sampel, pemprosesan data dan lain-lain berkaitan program sahaja.

## 7. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN PROJEK KTGS JINM

Semua projek yang diluluskan di bawah KTGS JINM akan dipantau dari aspek prestasi projek seperti berikut:

- **Laporan Kemajuan Berkala (LKB):** setiap 6 bulan dan 12 bulan (Pelaporan perlu menggunakan format pelaporan yang dimuat turun daripada laman web UCTC UPM);
  - Laporan dalam bentuk salinan lembut melalui emel kepada [uctc.ktgsjinm@upm.edu.my](mailto:uctc.ktgsjinm@upm.edu.my)
  - laporan dalam bentuk salinan keras kepada urusetia geran KTGS JINM UCTC
  - muatnaik laporan ke dalam sistem Hi-staf bagi setiap 6 bulan dan 12 bulan (setelah mendapat pengesahan daripada Ketua PTJ).
  - Video (sekiranya ada) dan gambar projek yang dijalankan.
- **Laporan Akhir:** 3 bulan selepas tamat tempoh projek. (Pelaporan perlu menggunakan format pelaporan yang dimuat turun daripada laman web UCTC UPM) dengan menyertakan perkara berikut;
  - Laporan dalam bentuk salinan lembut melalui emel kepada [uctc.ktgsjinm@upm.edu.my](mailto:uctc.ktgsjinm@upm.edu.my)
  - laporan dalam bentuk salinan keras kepada urusetia geran KTGS JINM UCTC
  - muatnaik laporan ke dalam sistem Hi-staf bagi setiap 6 bulan dan 12 bulan (setelah mendapat pengesahan daripada Ketua PTJ).
  - Video (sekiranya ada) dan gambar projek yang dijalankan.

*Catatan: Urus setia berhak menarik balik geran sekiranya ketua projek tidak menepati keperluan pelaporan.*

## 8. PENILAIAN PERMOHONAN

### 8.1 Kriteria penilaian

- Keutamaan diberi kepada projek berimpak tinggi yang menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti serta dapat menghasilkan perpindahan ilmu yang memberi impak kepada rakan strategik.
- Keutamaan juga diberi kepada;
  - i. Cadangan projek yang kompetitif; atau
  - ii. Projek yang merupakan niche UPM serta projek-projek strategik negara (national interest) bagi kepentingan negara; atau
  - iii. Projek yang merangkumi isu-isu dan memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan / sains sosial bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat; atau
  - iv. Projek yang akan dapat menambah baik sesuatu polisi dan metodologi penyelesaian yang sedia ada.
  - v. Pemberian geran diberi keutamaan kepada projek komuniti yang melibatkan 70% aktiviti pemindahan ilmu dan 30% aktiviti penyelidikan.

## 9. PROSES PENILAIAN

- Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang akan ditetapkan oleh UCTC.
- Pemohon/ketua projek perlu membentangkan cadangan projek tersebut secara bertulis/*pitching* untuk proses penilaian.
- Segala keputusan oleh pihak sekretariat KTGS JINM dan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.

## 10. PENERBITAN DAN PUBLISITI

- Setiap projek digalakkan untuk menerbitkan sebarang bentuk penulisan ringkas sekurang-kurangnya satu (1) dalam bentuk artikel/jurnal/prosiding/poster/buletin/infografik selepas tamat tempoh projek dan perlu dimasukkan dalam sistem Hi-staf atau dihantar kepada urusetia geran KTGS.
- Sebarang kos penerbitan ditanggung dalam kewangan projek geran.
- sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan video pendek (berdurasi 1-3 minit) adalah sangat digalakkan bagi tujuan promosi dan publisiti.

## 11. TADBIR URUS PROJEK KTGS

### 1. Akaun Amanah

Pihak urusetia akan membantu Ketua Projek yang berjaya untuk proses pembukaan akaun amanah projek yang dijalankan.

### 2. Bengkel Akhir

Pihak urusetia akan menjalankan satu bengkel kepada semua pemegang geran KTGS bagi berkongsi ilmu projek KTGS yang telah dijalankan.

### 3. Kelulusan projek

Projek yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut kelulusan yang telah diberikan berpandukan tadbir urus sepertimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan geran KTGS JINM yang boleh dimuat turun daripada laman web UCTC (<http://www.uctc.upm.edu.my>).

### 4. Penarikan peruntukan geran

- Peruntukan boleh ditarik balik sekiranya perbelanjaan tidak mencapai 20% daripada peruntukan yang diagihkan dalam tempoh 6 bulan pertama projek dijalankan.
- Projek yang tidak dilaksanakan selepas tempoh 6 bulan juga akan ditarik semula peruntukannya sekiranya tiada justifikasi yang kukuh daripada Ketua Projek dan mendapat kelulusan daripada Pengarah UCTC.

## 12. LAMPIRAN

- Resume (Curriculum Vitae) L1





**SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI:**

Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)  
Urusetia Geran Knowledge Transfer Grant Scheme  
Jaringan Industri dan Masyarakat (KTGS JINM)  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Tel: 03-9769 1847 / 1805  
E-mel: [uctc.ktgsjinm@upm.edu.my](mailto:uctc.ktgsjinm@upm.edu.my)